

# RASULLAH SAW'S APPROACH IN DEALING WITH INFECTIOUS DISEASES BASED ON THE HADITH OF THE EPIDEMIC IN THE BOOK OF SAHIH AL-BUKHARI

## PENDEKATAN RASULULLAH SAW SEMASA MENDEPANI PENYAKIT BERJANGKIT BERDASARKAN HADIS WABAK DALAM KITAB SAHIH AL-BUKHARI

Norzulaili Mohd Ghazali, Robiatul Adawiyah Mohd & Hishomuddin Ahmad

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

### Abstract

The hadiths of the Prophet SAW serve as a leading source of knowledge and guidance for life, including in the matter of infectious diseases. For instance, there is a hadith that mentions the epidemic of a contagious disease, of which the Prophet SAW said, "When you meet a person inflicted by leprosy, you should run (stay away) just as when you come across a lion" (HR Bukhari). The guidance brought by Rasulullah SAW should be used as a guide and approach in facing the challenges of Covid-19 pandemic. This is because matters related to epidemics or infectious diseases, such as tha'un, had occurred during the time of the Prophet SAW and had been recorded by the Prophet SAW through several hadiths of the Prophet. Therefore, the present study extracted and compiled the hadiths that can be used as a guide in dealing with infectious diseases. In carrying out the study, the hadiths that have the word "waba" were extracted from Sahih Bukhari. In addition, based on the Semantic Field Theory (SFT), the hadiths that are related to the word "waba" were also extracted. Next, the extracted hadiths were analyzed to identify the approach of the Prophet SAW when facing with infectious diseases. This study is qualitative in nature using the thematic analysis method. The findings of the study show that the approach taken by the Prophet SAW is a holistic approach that includes physical, mental, and spiritual aspects.

Keywords: Waba', pandemic, infectious disease

### Abstrak

Hadis Nabi SAW berfungsi sebagai sumber ulung kepada ilmu pengetahuan dan petunjuk kehidupan termasuklah dalam soal penyakit berjangkit. Sebagai contoh, terdapat hadis yang menyebut tentang wabak penyakit berjangkit ini iaitu sabda Rasulullah SAW yang bermaksud "Apabila kamu bertemu dengan orang yang terkena penyakit kusta, maka hendaklah kamu lari (jauhi) seperti kamu berjumpa singa" (HR Bukhari). Petunjuk yang dibawa oleh Rasulullah SAW ini, amat wajar dijadikan panduan dan pendekatan dalam mendepani cabaran pandamik Covid-19 kerana perkara berkaitan dengan wabak atau penyakit berjangkit seperti tha'un umpamanya, telah berlaku pada zaman Rasulullah SAW dan telah dirakam oleh

### Penulis Utama:

Norzulaili Mohd Ghazali

Fakulti Pengajian Quran dan Sunah

Universiti Sains Islam Malaysia

### E-mel:

[norzulaili@usim.edu.my](mailto:norzulaili@usim.edu.my)

Rasulullah SAW menerusi beberapa hadis Baginda. Justeru, kertas kerja ini akan mengekstrak dan menghimpunkan hadis-hadis yang boleh dijadikan panduan semasa mendepani penyakit berjangkit. Bagi melengkapkan kajian, hadis-hadis yang mempunyai lafaz “waba” dalam Sahih Bukhari akan diekstrak. Turut diekstrak ialah hadis-hadis yang ada hubungan dengan perkataan “waba” berdasarkan Teori Medan Makna. Seterusnya hadis-hadis ini dianalisis bagi mengenalpasti pendekatan Rasulullah SAW semasa berdepan dengan penyakit berjangkit. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis tematik. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pendekatan yang dibawa oleh Baginda SAW merupakan pendekatan holistik yang mencangkupi fizikal, mental dan juga spiritual.

Kata kunci: Waba’, pandemik, penyakit berjangkit

## PENGENALAN

Wabak diertikan sebagai penyakit menukar iaitu berjangkit yang merebak (Dewan Bahasa, 2004). Sejarah membuktikan bahawa wabak penyakit berjangkit ini bukan perkara baru bahkan ia sudah berlaku sejak zaman berzaman. Terdapat lima jenis penyakit berjangkit yang menyerang populasi dunia dalam skala yang besar iaitu; Maut Hitam (Black Death), Cacar Air, Selsesema Sepanyol, Wabak Justinian dan AIDS. Penyakit ini meragut jutaan nyawa manusia.<sup>1</sup> Dunia pada hari ini berdepan dengan sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan yang dikenali sebagai Coronavirus.<sup>2</sup> Virus ini dikenali oleh WHO sebagai wabak pandemic yang menyerang dalam skop lebih besar dan akan mengancam kawasan yang lebih luas seperti sebuah negeri, negara, benua atau mungkin juga seluruh dunia jika dibiarkan melarap.<sup>3</sup> COVID-19 juga diisytihar sebagai darurat kesihatan global.<sup>4</sup>

Rasulullah SAW ada menyebut tentang penyakit berjangkit menerusi hadis-hadis Baginda SAW sebagai contoh sebuah hadis yang bermaksud “*Apabila kamu bertemu dengan orang yang terkena penyakit kusta, maka hendaklah kamu lari (jauhi) seperti kamu berjumpa singa*”. Dan sudah tentu sebagai utusan Allah SWT, Baginda Rasulullah SAW memberi pelbagai panduan dan tunjuk ajar kepada umat Islam dalam melayari kehidupan di atas muka bumi ini termasuklah dalam hal berkaitan dengan penyakit dan penawarnya. Kertas kerja ini akan menghuraikan pendekatan yang disarankan oleh Rasulullah SAW semasa mendepani penyakit berjangkit dengan membawa kupasan hadis yang mengandungi perkataan *waba’* dalam kitab Sahih al-Bukhari. Kupasan dan huraian juga akan dilakukan pada hadis yang mengandungi perkataan *tha ’un, maradh, waj’, rijz* dan *adwiyah*, yang mana kesemua perkataan ini mempunyai kaitan makna dengan perkataan *waba’* berdasarkan Teori Medan Makna.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Menyentuh mengenai wabak atau penyakit berjangkit, Baginda Rasulullah SAW telah menceritakan perihal peristiwa akhir zaman yang mana akan berlaku penyebaran wabak. Sabda baginda Rasulullah SAW: Dari ‘Auf bin Malik RA berkata: *Aku pernah menemui Nabi SAW ketika terjadi perang Tabuk dan baginda sedang berada di dalam sebuah khemah yang terbuat*

<sup>1</sup> <http://www.astroawani.com/berita-dunia/trivia-ini-5-wabak-paling-dahsyat-dalam-sejarah-manusia-238709>

<sup>2</sup> <https://www.infosihat.gov.my>

<sup>3</sup> [shorturl.at/mzAJP](http://shorturl.at/mzAJP)

<sup>4</sup> [shorturl.at/pDI01](http://shorturl.at/pDI01)

dari kulit. Lalu baginda bersabda: Hitunglah enam perkara yang akan terjadi menjelang hari kiamat iaitu: kematianku, Pembebasan Baitulmaqdis (dalam riwayat lain: pemakmuran Baitulmaqdis), kematian yang menyerang kamu sekalian bagaikan penyakit yang menyerang kambing sehingga mati tiba-tiba, melimpahnya harta benda sehingga ada lelaki yang diberi seratus dinar namun masih marah (kerana merasa kurang), timbulnya fitnah sehingga tidak ada satu pun rumah orang Arab (dalam riwayat lain: rumah orang Islam) melainkan ia akan memasukinya, perjanjian yang akan berlaku antara kamu sekalian dan bangsa kulit kuning (Bani al-Asfar iaitu Rom), lalu mereka akan mengkhianati perjanjian tersebut dan mereka akan datang menghadapi kalian di bawah lapan puluh (80) panji-panji perang, di bawah setiap panji pula terdiri daripada dua belas ribu tentera.

Secara umumnya, ulama hadis telah mengumpul dan menyenaraikan hadis-hadis berkaitan dengan penyakit dalam karya-karya mereka. Sebagai contoh Imam al-Bukhari memuatkan hadis-hadis berkaitan dengan penyakit dan penawar dalam *Kitab al-Tibb* dalam kitab sahih beliau. Ibn Qayyim telah mengan rang satu buku yang diberi nama *Tibb Nabawiy* yang memuatkan di dalamnya himpunan hadis tentang ajaran hadis Rasulullah SAW berkaitan dengan penyakit dan penawar serta kelebihan flora dan fauna dalam perubatan.

Sehingga kini perbahasan mengenai hadis dan penyakit serta penawar masih dikaji dan diperbahaskan. Mukminah Basha mengetengahkan himpuan hadis dalam artikel “*al-Maradh fi all-Sunnah al-Nabawiyah*” dengan membawa hadis-hadis berkaitan penyakit beserta panduan apabila diuji dengan sakit. Justeru, berdasarkan signifikan kajian mengenai penyakit berjangkit ini, kertas kerja ini akan memfokuskan pendekatan yang boleh dijadikan panduan semasa mendepani penyakit berjangkit sebagaimana yang diajar oleh Rasulullah SAW menerusi hadis-hadis Baginda.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan metodologi textual induktif. Metod ini digunakan ketika mengekstrak dan memilih hadis yang mengandungi perkataan *waba'* dalam Sahih Bukhari. Kesemua hadis yang dipilih dirujuk kumpasannya menerusi kitab *syarah* bagi tujuan untuk mengenalpasti pendekatan Rasulullah SAW dalam mendepani penyakit berjangkit. Seterusnya dapatan pendekatan ini akan dikategorikan kepada tema.

Proses penulisan dimulakan dengan pengekstrakan hadis-hadis dalam Sahih Bukhari dengan memilih perkataan *waba'*. Seterusnya pengekstrakan perkataan ini dikembangkan lagi dengan pendekatan Teori Medan Makna, di mana sinonim, antonim dan hipernim bagi perkataan “*waba'*” akan dikenalpasti. Teori Medan Makna merupakan satu teori yang digunakan oleh para sarjana sebagai usaha untuk memahami makna. Ia menggabungkan satu perkataan dalam satu kumpulan yang sama. Teori ini terbentuk daripada kaitan makna perkataan yang saling berkait antara satu sama lain.<sup>5</sup>

Dalam kajian ini sebanyak 5 perkataan telah dikenalpasti mempunyai kaitan dengan *waba'*. Perkataan tersebut ialah *tha'un*, *maradh*, *waj'*, *rijz* dan *adwiyah*. Kesemua perkataan ini ada signifikan dalam penetapan pendekataan Rasulullah SAW semasa mendepani penyakit berjangkit.

---

<sup>5</sup> Norfarhana Ahmad Ghafar, e. al, Kajian Teori Medan Makna Dalam Kalangan Sarjana-Sarjana Islam Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies. Vol. 4. No. 2 (2016), 25

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hadis-hadis yang dikenalpasti ada kaitan dan hubungkait dengan perkataan *waba'* dalam kitab Sahih al-Bukhari merangkumi hadis yang memiliki perkataan *tha'un*, *maradh*, *waj'*, *rijz* dan *adwiyah*. Berikut adalah perbincangan bagi dapatan hadis yang mempunyai perkataan-perkataan ini.

### 1. *Waba'* (وباء)

Perkataan *waba'* disebut dalam Bahasa Melayu sebagai wabak. Ia merujuk kepada setiap penyakit yang secara amnya boleh merebak.<sup>6</sup>

Antara hadis yang mengandungi perkataan *waba'* yang terdapat dalam kitab Sahih al-Bukhari ialah hadis bermaksud:

Daripada 'Aisyah RA berkata; Ketika Rasulullah ﷺ sampai di Madinah, Abu Bakar dan Bilal menderita sakit demam. Dan Abu Bakar bila merasakan demam yang panas bersyair; Setiap orang pada pagi hari bersantai dengan keluarganya. Padahal kematian lebih dekat daripada tali sandalnya. Dan Bilal ketika sembuh daripada penyakit demamnya dia bersyair dengan suara keras: Wahai kiranya kesedaranaku, dapatkah kiranya aku bermalam semalam. Di sebuah lembah yang dikelilingi pohon *idzkit* dan *jalil*. Apakah ada suatu hari nanti aku dapat mencapai air *Majannah*. Dan apakah bukit *Syamah* dan *Thufail* akan terlihat bagiku? Lalu dia berkata, "Ya Allah, lakinlah Syaibah bin Rabi'ah, 'Uqbah bin Rabi'ah dan Umayyah bin Khalaf yang telah mengusir kami daripada suatu negeri ke negeri yang penuh dengan wabak bencana ini". Kemudian Rasulullah ﷺ bersabda, "Ya Allah, jadikanlah Madinah sebagai kota yang kami cintai sebagaimana kami mencintai Makkah atau bahkan lebih daripada itu. Ya Allah, berikanlah barakah kepada kami dalam timbangan *sha'* dan *mud* kami, sihatkanlah (makmurkan) Madinah buat kami dan pindahkanlah wabak demamnya ke Juhfah". 'Aisyah RA berkata; Ketika kami tiba di Madinah, saat itu Madinah adalah bumi Allah yang paling banyak wabak bencananya. Sambungnya lagi, "Lembah Bathhan mengalirkan air keruh yang mengandungi kuman-kuman penyakit".<sup>7</sup>

Rasulullah SAW ketika berhijrah diuji dengan perasaan sedih kerana terpaksa meninggalkan bumi Mekah yang sangat Baginda kasih. Manakala beberapa orang sahabat pula pula apabila sampai di Madinah telah ditimpa sakit demam panas. Bilal adalah antara sahabat yang diuji dengan sakit ini sehingga dia berharap untuk pulang ke Mekah kerana di sana dia sentiasa berada dalam keadaan sihat. Baginda bimbang jika keadaan ini berterusan, akan timbul perasan tidak seronok di kalangan para sahabat untuk berada di Madinah. Lantas, Baginda pun berdoa dengan doa: "sihatkanlah (makmurkan) Madinah buat kami dan pindahkanlah wabak demamnya ke Juhfah". Perbuatan baginda menunjukkan keharusan berdoa untuk menghindarkan wabak penyakit dan memohon kesihatan dan kesejahteraan.<sup>8</sup> Dalam hal ini Baginda SAW secara spesifik memanjatkan doa memohon kesejahteraan dan kesihatan.

Berdoa dan bermunajat adalah amalan mulia yang perlu dilakukan tidak mengira masa lebih-lebih lagi ketika berada dalam kesempitan dan kesusahan. Sebaik-baik doa adalah doa yang *ma'thur* sebagaimana yang diajar oleh Rasulullah SAW. Walau bagaimanapun, tidaklah menjadi kesalahan jika berdoa dengan susunan bahasa sendiri jika tidak menyalahi aturan dan

<sup>6</sup> Al-Farahidi, Al-Khalil Bin Ahmad. t.th. *Kitab Al-'Ayn*. Tahkik Dr Muhdi Al-Makhzumi Dan Dr Ibrahim Al-Samurai. Maktabah Al-Hilal,8/418.

<sup>7</sup> HR Bukhari, Kitab al-Tibb, Bab: Ma yuzkar fi Tha'un , No hadis: 5730

<sup>8</sup> Ibn Battal, *Syarh Sahih al-Bukhariy* ,4/558

syarat berdoa yang maqbul. Terdapat satu doa yang diajar oleh Rasulullah SAW memohon dihindarkan daripada penyakit berjngkit. Doa ini bermaksud: Ya Allah, aku berlindung dengan-Mu daripada penyakit sopak, gila, kusta dan penyakit-penyakit yang buruk.<sup>9</sup>

Antara doa yang boleh diamalkan semasa menghadapi ujian kesakitan ialah yang bermaksud: Ya Allah, kurniakan kesihatan tubuh badanku, kesihatan pendengaranku, kesihatan penglihatanku, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau. Ya Allah, aku berlindung dengan-Mu daripada kekufuran dan kefakiran, aku berlindung dengan-Mu daripada azab kubur. Tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Engkau.<sup>10</sup> Doa ini dibaca sebanyak tiga kali pada waktu pagi, dan tiga kali pada waktu petang. Dalam doa ini terkandung permohonan agar dipelihara kesihatan oleh Allah SWT, iaitu secara khusus disebut اللَّهُمَّ عَافِي فِي بَدْنِي agar dikurniakan keafiatan oleh Allah SWT.

Selain itu, kita juga disarankan untuk berdoa dengan doa yang bermaksud:

Ya Allah, aku memohon kepada-Mu pengampunan dan kesejahteraan di dunia dan akhirat. Ya Allah, aku memohon pengampunan dan kesejahteraan pada agamaku, urusan duniaku, ahli keluargaku, dan hartaku. Ya Allah, tutupkanlah keaibanku, amankanlah diriku dari ketakutan. Ya Allah, peliharalah diriku dari arah depan, belakang, kanan, kiri, atas dan aku berlindung dengan keagunganmu dari diceroboh dari arah bawahku.<sup>11</sup>

Sebenarnya banyak lagi doa-doa lain yang diajar oleh Baginda SAW bagi tujuan untuk memohon keafiatan daripada Allah SWT. Secara konsepnya semua doa yang memohon kepada Allah SWT agar menjauhkan daripada kita segala kemudharatan boleh dibaca ketika ditimpa sakit mahupun sebelum diuji dengan sebarang penyakit.

## 2. *Tha'un* (طاعون)

*Tha'un* mempunyai kaitan dari sudut makna dengan perkataan waba'. Menurut al-Khalil al-Farahidi wabak adalah *tha'un*.<sup>12</sup> Antara hadis perkataan *tha'un* yang dimuatkan oleh Iman al-Bukhari dalam kitab Sahihnya yang bermaksud:

Daripada 'Amir bin Sa'ad bin Abu Waqash daripada bapanya bahawa dia ('Amir) mendengar bapanya bertanya kepada Usamah bin Zaid, "Apa yang pernah kamu dengar daripada Rasulullah ﷺ tentang masalah *tha'un* (wabak, kusta)?". Maka Usamah berkata; Rasulullah ﷺ bersabda, "*Tha'un* adalah sejenis kotoran (seksa) yang dikirim kepada satu golongan daripada Bani Israel atau kepada umat sebelum kalian. Maka itu jika kalian mendengar ada wabak tersebut di suatu wilayah janganlah kalian memasuki wilayah tersebut dan jika kalian sedang berada di wilayah yang terkena wabak tersebut janganlah kalian mengungsi daripadanya". Abu an-Nadhar berkata, "Janganlah kalian keluar daripadanya kecuali untuk menyelamatkan diri."

Hadis di atas membuktikan bahawa Baginda SAW sudah mengetahui ancaman *tha'un* sebagai azab yang diturunkan untuk mengazab umat terdahulu dan penyakit itu akan turun di Syam di kemudian hari. Oleh itu, baginda meletakkan garis panduan yang jelas dalam berdepan

<sup>9</sup> HR Abu Dawud, Bab: al-Isti'azah , No hadis: 1554 (dilaih sahih oleh Syu'aib al-Arnaut), 2/650

<sup>10</sup> HR Abu Daud, no. 5090, 4/324. Ahmad, 5/42.

<sup>11</sup> HR Abu Daud, no. 5074. Ibn Majah, no.3871, disahihkan oleh al-Albani

<sup>12</sup> Al-Farahidi, Al-Khalil Bin Ahmad, *Kitab Al-'Ayn*, 8/418

dengan tha'un sebelum ia benar-benar berlaku dalam dunia Islam. Larangan Rasulullah SAW ini adalah bersifat memberi amaran dan peringatan agar tiada sesiapa yang keluar dari tempat yang ditimpa tha'un mahupun masuk ke tempat yang sedang dilanda wabak penyakit itu. Ingatan dan amaran ini sekaligus mengelakkan sangkaan atau fitnah sekiranya kematian berlaku kerana memasuki tempat yang sedang dilanda penyakit berjangkit atau keluar dari tempat itu dijadikan itu sebab kematian, sedangkan ia adalah takdir Allah SWT<sup>13</sup>. Menahan diri daripada memasuki atau keluar dari tempat yang sedang dilanda wabak penyakit merupakan salah satu sebab yang dikira sebagai ikhtiar untuk mengelakkan diri daripada terkena penyakit tersebut<sup>14</sup>. Ia juga merupakan satu tindakan *sadd al-zarai'* bagi menjauhi diri daripada terkena sesuatu penyakit<sup>15</sup>. Pada masa kini, larangan ini dikenali sebagai kuarantin yang berperanan membataskan tersebar virus dengan meluas.<sup>16</sup>

Ketika wabak melanda bumi Syam, tidak dibenarkan keluar mlarikan diri daripada wabak tha'un tersebut walau dengan apa tujuan sekalipun termasuklah untuk bermiaga atau seumpamanya. Baginda SAW menyifatkan orang yang mlarikan diri daripada tha'un itu seolah-olah dia lari daripada takdir Allah SWT. Selain daripada itu, larangan tidak dibenarkan untuk memasuki bumi Syam kerana dikhuatiri akan terkena wabak tersebut.<sup>17</sup> Tuntutan kuanratin juga boleh dilihat menerusi hadis yang bermaksud: Daripada Abi Salamah, bahawa dia mendengar Abu Hurairah RA berkata: Rasulullah SAW bersabda: Janganlah didatangkan yang sakit kepada yang sihat.<sup>18</sup>

Secara zahirnya, hadis ini bermaksud melarang orang yang mempunyai unta yang sakit untuk datang dengan untanya ke tempat unta yang masih dalam keadaan yang sihat supaya tidak berlaku penularan penyakit kepada unta yang sihat.<sup>19</sup> Hadis ini turut mengesahkan wujudnya potensi penularan penyakit berjangkit. Menerusi hadis ini Baginda SAW menasihatkan agar tidak mencampurkan unta yang telah disahkan sakit dengan unta yang sihat kerana ia berpotensi besar menyebabkan jangkitan. Ini membuktikan kebenaran dan kewajaran mengambil langkah pencegahan iaitu dengan menjauhkan diri daripada mereka yang telah disahkan terkena penyakit berjangkit kerana ada potensi akan berlakunya jangkitan. Potensi di sini tidak membawa maksud kepastian. Segalanya berlaku hanya dengan kehendak Allah SWT.<sup>20</sup>

Selain itu, individu yang sabar dan duduk diam di dalam negerinya dengan tidak keluar kerana patuh kepada perintah kuanrantin, mereka mendapat ganjaran besar di sisi Allah SWT. Sebuah hadis daripada 'Aisyah RA menyebut:

Maksudnya: aku bertanya kepada Rasulullah SAW tentang wabak tha'un. Lalu Baginda memberitahuku bahawa ia adalah azab yang diutuskan oleh Allah SAW kpd sesiapa yang Dia kehendaki dan Allah SWT menjadikannya sebagai rahmat buat orang yang beriman. Tidak ada seorang pun yang ditimpa wabak tha'un ini sedangkan dia duduk di dalam negeri tempatnya dengan penuh sabar dan bermuhasabah, dan di faham bahawa tiada sesuatu yang menimpanya

<sup>13</sup> Ibn Battal, *Syarh Sahih al-Bukhari*, 9/425

<sup>14</sup> Ibn Hajar, *Fath al-Bariy Syarh Sahih al-Bukhari*, 10/185

<sup>15</sup> Ibid 10/185

<sup>16</sup> Ahmad Yusuf al-Hajj, *Ensiklopedia Kemukjizatan Sains Dalam al-Quran & Sunnah*, 572

<sup>17</sup> Ibn Hajar, *Fath al-Bariy Syarh Sahih al-Bukhari*, 8/326

<sup>18</sup> HR Al-Bukhāri, Kitab al-tibb, bab: La Hammah, no hadis 5771, 7/138

<sup>19</sup> Ibn Hajar, 1379 H:10/242

<sup>20</sup> Khairul Husayni bin Jamil (2020). *Nasamat al-'Aun*, Kuala Lumpur: Himpunan Keilmuan Islam, 21

melainkan semuanya telah ditentukan oleh Allah SWT, melainkan dia akan mendapat pahala seperti pahala syahid.<sup>21</sup>

### 3. *Maradh* (مرض)

Antara hadis yang mengandungi perkataan *maradh* yang terdapat dalam kitab Sahih al-Bukhari yang bermaksud:

Daripada 'Aisyah RA bahawa Nabi ﷺ meniupkan kepada diri Baginda sendiri dengan *Mu'awwidzat* ketika Baginda sakit menjelang wafatnya, dan ketika sakit Baginda semakin parah, sayalah yang meniup dengan kedua surah tersebut dan saya megusapnya dengan tangan Baginda sendiri kerana berharap untuk mendapat berkatnya." Aku bertanya kepada Az Zuhri, "Bagaimana cara meniupnya?" dia menjawab, "Baginda meniup kedua tangannya, kemudian Baginda mengusapkan ke wajah dengan kedua tangannya"<sup>22</sup>.

Hadis di atas menganjurkan agar dibaca *al-Mu'awwizat*, iaitu surah al-ikhlas, al-falaq dan an-nas ketika sedang menghadapi kesakitan. Rasulullah SAW turut menganjurkan untuk membaca *al-Mu'awwizat* menerusi hadis:

Maksudnya: Daripada Mu'az bin Abdillah bin Khubaib, daripada bapanya, berkata: Kami keluar pada waktu malam ketika keadaan hujan dan gelap. Kami ingin menemui Baginda agar Baginda boleh menjadi imam solat kami. Ketika aku menemui Baginda, Baginda menyuruh aku menyebut sesuatu, tetapi aku tidak berkata apa pun. Kemudian Baginda menyuruh lagi dan aku tidak juga berkata apapun. Kemudian Baginda menyuruh lagi, lalu aku bertanya, apakan yang patut aku sebut? Baginda pun menjawab: Sebutlah ۖ فَلْ هُوَ اللَّهُ أَكْبَرُ dan *al-ma'uzatayn* sebanyak tiga kali pada waktu pagi dan tiga kali pada waktu petang, cukuplah ia bagimu menjadi sebagai perisai daripada semua gangguan.<sup>23</sup>

Hadis ini jelas menunjukkan manfaat membaca *Mu'awwizat* bukan sahaja ketika dalam keadaan sakit, bahkan ia amat elok dijadikan sebagai amalan harian yang dibaca pada setiap pagi dan petang.

### 4. *Rijz* (رجز)

Antara hadis perkataan *rijz* yang dimuatkan oleh Iman al-Bukhari dalam kitab Sahihnya ialah:

Maksudnya: telah menceritakan kepada kami 'Amir bin Sa'd bin Abi Waqqash, ia mendengar Usamah bin Zaid menceritakan kepada Sa'd, bahwasanya Rasulullah ﷺ membincangkan suatu penyakit, Baginda bersabda, "Itu adalah sebagai hukuman dan seksaan yang pernah digunakan untuk menyiksa suatu kaum, kemudian masih ada yang tersisa daripada penyakit tersebut, sehingga kadang-kadang datang dan pergi, maka siapa mendengar suatu penyakit melanda sebuah negeri, jangan sesekali dia mendatanginya, dan barangsiapa di suatu negeri yang tengah dilanda penyakit, jangan dia keluar dengan niat menghindari penyakit itu."<sup>24</sup>

<sup>21</sup> HR Bukhari, Kitab:al-Qadr, Bab: Qul Lan Yusibuna Illa Ma kataba Allahu Lana, No hadis: 6619,8/127

<sup>22</sup> HR Bukhari, Kitab:al-Qadr, Bab:al-Ruqa bi al-Quran wa al-Mu'awwizat, No hadis: 5737,7/131

<sup>23</sup> Tirmizi, sunan al-Tirmizi, Abwab al-Da'wat, No. 3575, 5/765, Albani: Hasan

<sup>24</sup> HR Bukhari, Kitab:Tibb, Bab: Ma yukrah fi al-Firar Min al-Tha'un, No hadis: 6974, 9/27

Menerusi hadis yang mengandungi perkataan *rijz* ini, Rasulullah SAW juga turut menekankan keperluan tidak memasuki tempat yang dilanda wabak atau keluar daripada tempat yang padanya ada wabak, sebagaimana yang disebut dalam hadis berkaitan *tha'un*. Dan inilah perkara yang diberi penekanan dan diambil tindakan oleh dunia pada hari ini.

Di Tanah Melayu, tindakan seumpama ini telah dilakukan seawal tahun 1858, tatkala pihak British memperkenalkan Peruntukan Kuarantin. Dan ia menjadi satu pegangan kepada masyarakat di Tanah Melayu apabila mereka mempercayai kuarantin berjaya mengekang penularan wabak penyakit terjangkit daripada terus merebak dengan cepat. Sudah menjadi kebiasaan bagi masyarakat di Tanah Melayu, apabila seseorang individu diserang wabak penyakit yang berjangkit seperti cacar, seluruh kampung akan mengasingkan dan menjauhkan diri daripada individu terbabit (*Self Quarantine*).<sup>25</sup>

## 5. *Waj'* (وجع)

Antara hadis perkataan *waj'* yang dimuatkan oleh Iman al-Bukhari dalam kitab Sahihnya yang bermaksud:

Daripada 'Abdullah bin Ma'qil Aku berkata; 'Aku duduk berhampiran dengan Ka'ab bin 'Ujrah RA lalu aku bertanya kepadanya mengenai fidyah, maka dia menjawab, "Ayat itu turun untukku secara khusus dan buat kalian secara umum, iaitu aku pernah dibawa kepada Rasulullah ﷺ ketika wajahku banyak dipenuhi kutu, maka Baginda berkata, "Mengapa aku melihat kamu dalam keadaan sakit sebegitu parah yang belum pernah aku lihat sebelumnya? dan mengapa aku melihat kamu dalam keadaan kesusahan memuncak yang belum pernah aku lihat sebelumnya? apakah kamu mempunyai kambing?". Aku jawab, "Benar". Maka Baginda berkata, "Laksanakanlah puasa tiga hari atau berilah makan enam orang miskin yang untuk setiap satu orang miskin sebanyak setengah *sha'*".<sup>26</sup>

Hadis di atas mengandungi perkataan *waj'* yang ada kaitannya dengan sifat wabak iaitu satu penyakit yang menyakitkan sehingga terkadang kesakitan itu berat sehingga tidak tertanggung. Menerusi hadis ini dikhususkan panduan bagaimana harus dilakukan jika seseorang itu ditimpa penyakit. Baginda SAW menyarankan agar individu tersebut melakukan dua bentuk ibadah, pertama berpuasa selama tiga hari. Dan kedua mengeluarkan sedekah dengan memberi makan enam orang miskin dengan kadar setengah *sha'* bagi setiap orang. Walaupun panduan ini diberikan kepada Ka'ab bin 'Ujrah, namun aplikasinya berbentuk umum.<sup>27</sup>

Kedua bentuk ibadah ini mungkin menjadi asbab kepada kesembuhan kerana puasa sudah terbukti perananya sebagai satu ibadah yang memberi kesan kepada kesihatan badan<sup>28</sup>. Manakala sedekah pula merupakan satu kebaikan yang disalurkan kepada orang lain. Barangkali penyakit yang menimpa seseorang itu kerana dosa dan kesalahan yang telah dilakukan. Dan moga-moga dengan melakukan kebaikan bersedekah ini, akan menjadi asbab

<sup>25</sup> Aiza Mazlan Baharudin. 2011. Sistem Kuarantin Dan Pelaksanaannya Di Tanah Melayu Pada Sekitar Abad Ke-19. Univeraiti Malaya: Jurnal Sejarah. Vol. 19. No. 19

<sup>26</sup> HR Bukhari Kitab: Abwab al-Muhsir wa JAza' al-Shaid, Bab: al-It'am fi al-Fidyah Nisf Sha', No hadis: 1816, 3/10

<sup>27</sup> Ibn Daqiq al-'idd, Ihkam al-Ahkam Syarh 'Umdah al-Ahkam, Matba'ah al-Sunnah al-Muhammadiyyah, t.th, t.tp. 2/57

<sup>28</sup> Ahmad Yusuf al-Hajj, 2012, *Ensiklopedia Kemukjizatan Sains Dalam Al-Quran dan Sunnah*, 2012, Batu Caves: Al-Hidayah Publication, 392.

terhapusnya kesalahan dan dosa yang telah dilakukan, seterusnya memberi keafiatan dan kesembuhan kepada badan.

## 6. *Adwiyah* (أدوية)

Antara hadis perkataan *adwiyah* yang dimuatkan oleh Iman al-Bukhari dalam kitab Sahihnya yang bermaksud:

Daripada 'Ashim bin Umar bin Qatadah dia berkata; saya mendengar Jabir bin Abdullah RA berkata; saya mendengar Nabi SAW bersabda, "Sekiranya ada ubat yang baik untuk kalian atau ada sesuatu yang baik untuk kalian jadikan ubat, maka perkara itu terdapat pada bekam atau minum madu atau sengatan api panas (terapi dengan meletakkan besi panas di kawasan yang luka) dan saya tidak menyukai sengatan api<sup>29</sup>".

Hadis di atas jelas memberi panduan supaya setiap individu yang ditimpakan penyakit perlu berusaha untuk mencari penawar. Menerusi hadis ini, disebut secara spesifik 3 jenis ikhtiar yang boleh dijadikan medium berubat iaitu bekam, minum madu dan terapi menggunakan besi panas pada tempat luka. Tidak syak lagi, cara yang disebut oleh Rasulullah SAW ini ada keistimewaan yang tersendiri dan sudah tentu padanya ada kehebatan tibb Nabawi. Namun, bukanlah hadis ini menafikan cara perubatan atau ikhtiar dengan cara lain. Setiap daripada kita boleh mencuba apa sahaja cara rawatan asalkan ia dibenarkan oleh syarak.

Terdapat satu kertas kerja yang bertajuk “Kaedah Penanganan Wabak Pandemik Berdasarkan Hadis Dan Kearifan Lokal Masyarakat Islam” telah menukilkan pendapat Ibn Sina dalam kitabnya al-Qanun fi al-Tibb, yang menyenaraikan cara mengubati penyakit tha'un. Antaranya ialah tumbuhan renek Rheum ribes (الريبيس) adalah baik untuk mengubati penyakit tha'un. Tumbuhan ini banyak tumbuh di kawasan pergunungan pada musim bunga. Tumbuhan ini mempunyai bentuk fizikal yang sama tinggi seperti buah sitron dan verjus (jus buah muda yang sangat berasid). Tumbuhan ini berkhasiat menyejukkan luka dan menghentikan pendarahan dan ubat penahan sakit<sup>30</sup>.

Berdasarkan kaedah rawatan Ibn Sina, penyakit *tha'un* pada awal mulanya diubati dengan cara menyejukkan badan yang luka iaitu dengan span yang dicelupkan ke dalam air dan cuka atau minyak bunga, minyak apel, damar mastik atau minyak *myrtus communis* (دهن اللسن). Sekiranya *tha'un* sudah dalam peringkat yang teruk, maka berbekam boleh dijalankan ke atas pesakit dengan berhati-hati. Sekiranya *tha'un* menyebabkan pesakit berasa demam, maka digalakkan tubuh badan pesakit disejukkan. Sekiranya luka di badan telah bernanah, maka nanah itu boleh dikeluarkan dengan pembedahan ringan.

Selain daripada itu, digalakkan makan makanan yang dimasak (direbus) dan makanan yang mudah dihadam. Digalakkan juga pengambilan buah delima, buah pear (*Pyrus communis*) dan lentil, sekanjabin (minuman yang dibuat daripada madu dan cuka), jallab (sejenis sirap buah yang popular di Timur Tengah yang diperbuat daripada pokok karob, kurma, gula tebu, sirap buah delima dan air bunga), tanah Armenia (الطين الارمني) yang disebatikan dengan air

<sup>29</sup> HR Bukhari, Kitab:Tibb, Bab: al-Dawa' Bi al-'Asl Wa Qaul Allah Taala Fi hi syaifa, No hadis: 5683, 7/123

<sup>30</sup> Muhammad Widus & Sempo Abdulloh Salaeh, *Kaedah Penanganan Wabak Pandemik Berdasarkan Hadis Dan Kearifan Lokal Masyarakat Islam*, Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN) 2020 Paper No. BM012 FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia, 301-301

dan cuka. Turut digalakkan sanitasi rumah dengan memercikkan cecairan cuka ke dalam rumah. Kaedah rawatan seperti ini juga bermanfaat untuk mengubati penyakit tha'un.<sup>31</sup>

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, Rasulullah SAW telah pun memberi satu panduan yang komprehensif dalam mendepani penyakit berjangkit. Panduan yang telah dikenalpasti dengan meganalisis hadis hadis yang mengandungi perkataan *waba'*, *tha'un*, *maradh*, *waj'*, *rijz* dan *adwiyah* menggambarkan bahawa panduan dan pendekatan yang diajar oleh Baginda SAW ini meliputi aspek fizikal dan juga spiritual. Baginda menekankan keperluan melakukan penjarakan fizikal dan kuarantin ketika perlakunya penyakit berjangkit agar penularannya dapat dibendung.

Selain daripada itu, ikhtiar untuk berubat juga adalah tindakan yang tidak boleh dipinggirkan. Baginda juga memberi panduan agar sentiasa memohon kepada Allah SWT kesihatan dan kaefiatan dengan mengamalkan pelbagai doa. Mereka yang sedang diuji dengan kesakitan juga boleh menjadikan sedekah sebagai ibadah yang mungkin boleh menjadi asbab kepada kesembuhan. Tuntasnya, pendekatan yang diajar oleh Baginda SAW merupakan pendekatan holistik yang mencangkupi fizikal, mental dan juga spiritual.

## PENGHARGAAN

Kertas kerja ini mendapat sokongan daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di bawah Skim Geran Penyelidikan Usim Covid-19-PPPI/COVID19\_0120/FPQS/051000/14920: “Pendekatan Rasulullah Dalam Mendepani Penyakit Berjangkit Berdasarkan Hadis Wabak Dalam Sahih Bukhari” dan PPPI/COVID19\_0120/FPQS/051000/15020: Pentafsiran Ayat Wabak Dalam Al-Quran Menurut Pandangan Sarjana Tafsir Imam Al-Razi Dan Syeikh Mutawalli Syarawi” dengan kerjasama Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Ahmad Sanusi Azmi (2020) 40 Hadis Tentang Wabak Penyakit. Bandar Baru Nilai: Ulum Hadith Research Centre

Ahmad, Yusuf al-Haji, 2012, *Ensiklopedia Kemukjizatan Sains Dalam Al-Quran dan Sunnah*, 2012, Batu Caves: Al-Hidayah Publication, 242

Aiza Mazlan Baharudin. 2011. Sistem Kuarantin Dan Pelaksanaannya Di Tanah Melayu Pada Sekitar Abad Ke-19. Univeraiti Malaya: Jurnal Sejarah. Vol. 19. No. 19

Al-Bukhari, Abu Abdillah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim. (1958). *Sahih al-Bukhari*. Misr: Mustafa al-Babiyy wa Awladuhu.

Al-'Ainiyy, Abu Muhammad Mahmud bin Ahmad bin Musa bin Ahmad bin Husayn al-Ghitabiy al-Hanafiy Badr al-Din (t.th). ‘Umdah al-Qari Syarh Sahih al-Bukhari. Beirut: Dar al-Turath al-Arabiyy.

Basya, Mukminah. 2017. Al-Maradh fi al-Sunnah al-Nabawiyyah. Dalam Majallah Jami'ah al-Dimasyq, vo.27, no.3, 393-412.

Ibn Battal, Abu al-Hasan 'Aliy bin Khalf bin 'Abd al-Malik. (2003). Syarh Sahih al-Bukhariy. th: Abu Tamim Yasir bin Ibrahim. Al-Riyadh: Maktabah al-Rasyd.

Ibn Daqiq al-'idd. T.th. Ihkam al-Ahkam Syarh 'Umdah al-Ahkam. T.tp: Matba'ah al-Sunnah

<sup>31</sup> Abu Bakr Al-Rāzi, Muḥammad Bin Zakariyyā. 2002. Al-Ḥāwi Fi Al-Ṭib. Cet. 1. Beirut: Dār Ihyā' Al-Turāth Al-'Arabi: 4/428

al-Muhammadiyyah.

Ibn Hajar, Ahmad bin ‘Aliy bin Hajar Abu Fadhl al-‘Asqalaniy (1379H). *Fath al-Bariy Syarh Sahih al-Bukhariy*. th: Muhammad Fuad ‘Abd al-Baqi. Beyrut: Dar al-Ma’rifah.

Ibn Qayyim, al-Jawziyah. *Tibb al-Nabawiy*. 2004. Beyrut: Dar al-Fikr.

Al-Bukhari, Abu Abdillah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim. (1994). *Sahih al-Bukhari*.  
Beyrut: Dar al-Fikr.

Al-Farahidi, Al-Khalil Bin Ahmad. t.th. *Kitab Al- ‘Ayn*. Tahkik Dr Muhdi Al-Makhzūmi Dan Dr Ibrahim Al-Samurai. Maktabah Al-Hilal

Khairul Husayni bin Jamil. (2020). *Nasamat al-‘Aun*, Kuala Lumpur: Himpunan Keilmuan Islam.

Muhammad Widus & Sempo Abdulloh Salaeh. (2020). Kaedah Penanganan Wabak Pandemik Berdasarkan Hadis Dan Kearifan Lokal Masyarakat Islam, Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN). Paper No. BM012 FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia

Norfarhana Ahmad Ghafar, e. al, Kajian Teori Medan Makna Dalam Kalangan Sarjana-Sarjana Islam Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies. Vol. 4. No. 2 (2016),

[www.dorar.net](http://www.dorar.net)

<https://mufti.perlis.gov.my/index.php/minda-mufti/285-memahami-hadis-pahala-syahid-duduk-di-rumah-semasa-wabak-2>

<http://www.astroawani.com/berita-dunia/trivia-ini-5-wabak-paling-dahsyat-dalam-sejarah-manusia-238709>